

## **PELAPORAN BERITA DI TV ALHIJRAH SEMASA HARI PERKABUNGAN NEGARA: SUATU TINJAUAN**

**Mohd Daly Daud, Rahmahtunnisah Hj. Sailin, Md Rozalafri Johori,  
Zulkifli Aini (PhD), Muhammad Subari Ramli, Maffuza Salleh,  
Sulaiman Salleh, Khairiamri Ahmad, & Wawarah Saidpuddin**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Jabatan Mufti Selangor

[mohddaly@kuis.edu.my](mailto:mohddaly@kuis.edu.my)

### ***ABSTRAK***

Sejarah tragedi 2014, pastinya sukar untuk dilupakan oleh rakyat di negara ini, apabila satu demi satu tragedi menimpa negara ini. Bermula dengan kehilangan misteri pesawat MH370, diikuti pesawat MH17 yang ditembak jatuh di perbatasan Ukraine-Russia, banjir besar di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan pesawat QZ8501 terhempas di perairan Indonesia menambahkan derita kepada mangsa dan keluarga mangsa yang terbabit. Fokus masyarakat tempatan dan antarabangsa terhadap semua insiden ini begitu menggalakkan. Semua stesen televisyen di negara ini bertanggungjawab menyebarkan maklumat terkini kepada penontonnya. Kertas kerja ini bercadang untuk melihat pendekatan pelaporan berita daripada stesen televisyen AlHijrah yang turut menyiarkan berita musibah itu. Kaedah kajian yang digunakan untuk perbincangan ini adalah temu bual terfokus bersama responden kajian menggunakan pakai instrumen temu bual yang memfokuskan kepada konstruk pelapor (AlHijrah). Hasil kajian mendapati stesen televisyen AlHijrah mempunyai pendekatan tersendiri dalam melaporkan berita ini bagi menyokong corak pelaporannya. Tegasnya AlHijrah sentiasa menjaga kredibiliti setiap laporannya melalui laporan berita yang disiarkan.

**Kata kunci:** Musibah, Kredibiliti laporan, AlHijrah

### **PENGENALAN**

Walaupun telah setahun berlalu, tragedi udara yang membabitkan pesawat MH17 yang ditembak jatuh di perbatasan Ukraine-Russia pada tahun 2014 masih lagi menjadi topik perbualan masyarakat tempatan dan antarabangsa lantaran status penembaknya masih menjadi misteri dan tanda tanya. Bagi kaum keluarga mangsa yang terbabit dalam tragedi berdarah ini, mereka masih berharap pihak yang bersalah dihadapkan ke muka pengadilan.

Bagi menghormati tragedi itu, maka pada 14 Ogos 2014, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan 22 Ogos 2014 diisytiharkan Hari Perkabungan Negara. Perkabungan ini ekoran kejadian naas pesawat (MAS) MH17 dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur pada 17 Julai lalu, yang membawa 283 penumpang dan juga 15 anak kapal yang dipercayai ditembak jatuh di Ukraine (Haider 2014). Hakikatnya, Hari Perkabungan Negara pertama diumumkan bagi menghormati kematian orang awam itu, terutama upacara bertafakur seminit, disertai oleh sebahagian besar rakyat yang mengikutinya melalui radio dan televisyen, dengan cara masing-masing. (Berita Harian, 25 Ogos, 2014).

## **HARI PERKABUNGAN**

Istilah perkabungan (Kamus Dewan, 2013) diambil dari kata dasar kabung iaitu sejenis kain lilit putih yang dipakai di kepala sebagai tanda dukacita khususnya kerana kemangkatan raja atau ketua negara. Ia juga dirujuk sebagai perihal, perlakuan atau keadaan berkabung yang memperlihatkan tanda-tanda sedang berdukacita khususnya akibat kematian. Pengertian yang sama juga diguna pakai dalam bahasa Indonesia sebagai rumpun bahasa Melayu yang sama.

Menurut Syarak, perkabungan lebih dirujuk kepada situasi isteri yang kematian suami. Muhammad al-Uthaimin (2014) menyatakan ia adalah perbuatan menghindari amalan berhias/mekap, berwangian, bersukaria atau bebas bersosial oleh seorang isteri yang kematian suami selama 4 bulan 10 hari. Ia merupakan satu amalan wajib yang dikira sebagai ibadah, tanda dukacita dan penghormatan kepada si mati. Ia dikenali dengan proses Ihdad atau Hadad. Al-Zuhaily (2005) menyatakan, dalam konteks mengelakkan berhias melalui pakaian, warna gelap atau kusam boleh digunakan. Perhubungan sosial agak terhad ketika berihdad. Tidak boleh keluar rumah sesuka hati tanpa keperluan khususnya menghadiri perhimpunan yang bermotifkan leisure (keseronokan) apatah lagi hiburan (Zaydan, 1994). Malah menghadiri kenduri-kendara juga boleh dihadkan kepada wakil pengganti diri.

Penetapan tempoh ini adalah berdasarkan dalil nas al-Quran dan hadis:

Maksud firman Allah (ayat 234, surah al-Baqarah) : “....dan isteri-isteri yang kematian suaminya hendaklah mereka menahan diri (ihdad) selama 4 bulan 10 hari”.

Hadis riwayat al-Bukhari;

لَا يَحِلُّ لِامْرَأَةٍ تَوْمَنْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تَحْدُ عَلَى مَيْتٍ فَوْقَ ثَلَاثَ لَيَالٍ إِلَّا عَلَى زَوْجٍ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ وَعِشْرَاءِ

Bermaksud: Tidak boleh bagi seorang wanita yang mengimani Allah dan Hari Akhirat untuk berihdad melebihi 3 hari melainkan ke atas kematian suami iaitu 4 bulan 10 hari.

Dalam kajian Pantti & Sumiala (2009) menemui ritual perkabungan yang dilaporkan atau disiarkan di dalam media terbahagi kepada tiga iaitu ritual agama (melalui simbol agama, amalan dan majlis pengkebumian), ritual sivik (aksi spontan individu) dan juga ritual nasional (melibatkan imej negara dan tindakan kerajaan) manakala pelaku yang terlibat untuk dilaporkan adalah pegawai awam (polis, tentera, pegawai kerajaan dan lain-lain), rakyat, dan profesional media (melibatkan temu bual).

Prof Bouke yang ditemu bual oleh Robb dalam BBC News (2013) menjelaskan bahawa perkabungan negara adalah sesuatu yang melebihi daripada individu, kerana kesedihan itu bukan sahaja kerana kehilangan orang penting atau simbol tetapi adalah lebih kepada kehilangan masa depan iaitu yang melibatkan kehilangan masa depan sesebuah negara. Perkabungan negara yang diadakan bergantung pada adat dan budaya sesebuah negara itu. Antara acara perkabungan yang sering diadakan adalah waktu perkabungan yang ditetapkan sama ada mengikut hari, minggu, ataupun bulan. Selain itu, acara perkabungan juga melibatkan aktiviti mengibarkan bendera negara separuh tiang di bangunan tertentu, barisan puluhan ribu rakyat yang mengiringi dan menghormati perarakan jenazah atau pengbumian, bertafakur (*moment of silence*) dan sebagainya.

Contoh perkabungan di beberapa buah negara:

#### **i. Nederland**

Pengebumian di Nederland adalah sebahagian daripada kod etika serius kerana kebanyakan rakyat Dutch sangat menghargai kehidupan mereka. Mereka yang dijemput akan memenuhi acara pengebumian tersebut dan sebagai tanda perkabungan, para hadirin akan memakai pakaian berwarna gelap atau hitam (Berrens 2011). Ketika hari perkabungan menyambut jenazah mangsa tragedi MH17 yang merupakan warganegara Belanda di Nederland pada 23 Julai 2014, antara acara perkabungan yang dilakukan adalah perarakan membawa keranda dari Eindhoven Airbase ke Hilversum, kebanyakan pakaian yang dipakai oleh mereka yang menghadiri acara perkabungan berwarna hitam termasuklah Raja Willem-Alexander, Permaisuri Maxima, dan Perdana Menteri, Mark Rutte dan juga acara menarik tali loceng oleh beberapa orang sukarelawan untuk membunyikan loceng Salvatordi Utrecht. (NBCNEWS 2014).

#### **ii. Peshawar, Pakistan**

Pakistan telah mengadakan hari perkabungan negara untuk 141 orang mangsa serangan termasuk murid dan guru keganasan oleh pemberontak dengan melakukan serbuan dan melepaskan tembakan dari kelas ke kelas di sekolah tentera di bandar barat laut Peshawar (Astro Awani 2014). Perkabungan yang diisyiharkan oleh Perdana Menteri Nawaz Sharif adalah sebagai penghormatan kepada mangsa pembunuhan beramai-ramai dan antara acara perkabungan yang diadakan termasuk bertafakur (*moment of silence*), nyanyian indah puisi klasik Pakistan (Rieti 2014), bacaan doa dan nyalaan lilin (BBC NEWS 2014) .

#### **iii. Copenhagen, Denmark**

Peristiwa tembakan di lokasi dialog mengenai Islam dan kebebasan bersuara di Pusat Budaya Copenhagen telah mengakibatkan seorang maut dan tiga pegawai polis cedera (Astro Awani 2015). Kesan daripada peristiwa ini, berpuluhan-puluhan ribu orang telah berkumpul di sekitar bandar-bandar di seluruh Denmark untuk memperingati mangsa-mangsa serangan tembakan tersebut. Antara acara perkabungan yang diadakan adalah mereka memegang lilin atau obor, bertafakur (*moment of silence*), bendera dikibarkan separuh tiang di bangunan kerajaan, dan jambangan bunga yang diletakkan di lokasi serangan (CBC NEWS 2015).

#### **iv. Malaysia**

Pada 14 Ogos 2014, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan 22 Ogos 2014 diisytiharkan Hari Perkabungan Negara. Perkabungan ini ekoran kejadian naas pesawat (MAS) MH17 dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur pada 17 Julai lalu, yang membawa 283 penumpang dan juga 15 anak kapal yang dipercayai ditembak jatuh di Ukraine (Haider 2014). Berikut merupakan peraturan hari perkabungan yang ditetapkan Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa JPM yang perlu dipatuhi di semua peringkat kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, badan berkanun, syarikat swasta, stesen radio dan televisyen serta orang ramai (<http://www.artgallery.gov.my/hari-perkabungan-negara-22-08-2014/>) :

- a) Semua pihak perlu mengibarkan jalur gemilang separuh tiang di seluruh negara.
- b) Semua acara berunsur hiburan juga perlu ditangguhkan pada hari berkenaan.
- c) Tatacara pakaian berwarna suram, terutama bagi petugas yang terlibat dengan istiadat perkabungan.
- d) Pakaian bagi petugas lelaki beragama Islam digalakkan memakai songkok, tanpa lilitan warna putih manakala wanita perlu memakai selendang hitam.
- e) Rancangan hiburan pada semua saluran radio dan televisyen ditangguhkan dan ia diganti dengan bacaan al-quran dan program berunsur keagamaan.
- f) Rakyat Malaysia diminta untuk berdiri dan membacakan al- Fatihah, khususnya bagi yang beragama Islam. Bagi yang bukan beragama Islam, mereka boleh bertafakur mengikut kepercayaan agama masing-masing.

Selain itu, sebahagian besar akhbar utama tempatan pada hari perkabungan negara Malaysia itu turut menggunakan warna hitam dan putih di muka depan sebagai tanda sedih serta hormat kepada mangsa naas pesawat Penerbangan Malaysia MH17 (Haider 2014). Manakala pemilik panggung wayang utama negara Malaysia iaitu TGV Cinemas Sdn Bhd (TGV) dan Golden Screen Cinemas (GSC) turut berkabung dengan memberi peringatan kepada pengunjung agar bersedia untuk bertafakur selama seminit pada waktu bertafakur serentak seluruh negara, semu kakitangan TGV perlu memakai pakaian berwarna gelap sebagai tanda berkabung, dan iklan yang disiarkan pada televisyen plasma di semua 28 panggung wayang seluruh negara juga disiarkan secara hitam putih (Astro Awani 2014).

Susulan peristiwa tersebut juga, Majlis Fatwa Malaysia menjelaskan bahawa perbuatan berkabung bagi menunjukkan tanda dukacita kepada orang yang meninggal dunia seperti mengibarkan bendera separuh tiang dan memakai pakaian berwarna serba hitam atau suram adalah dibenarkan selagi ia tidak melibatkan unsur-unsur atau ritual keagamaan agama bukan Islam yang bertentangan dengan syarak (e-fatwa – Portal Rasmi Fatwa Malaysia).

#### **v. Paris, Perancis**

Hollande President Perancis telah mengisytiharkan hari perkabungan dalam menghormati mangsa tragedi serangan Perancis oleh pengganas yang mengorbankan 132 nyawa dan 352 orang tercedera. Loceng *Notre Dame Cathedral* dibunyikan sebagai simbol bermulanya Perancis berkabung selama tiga hari (Hjelmgaard). Selain itu menara kebanggaan Paris, Menara Eiffel juga digelapkan sebagai lambang perkabungan pada malam Sabtu tersebut. Manakala

kebanyakannya tarikan pelancongan utama di Paris ditutup Sabtu, termasuk Menara Eiffel, Muzium Louvre dan Disneyland. Dalam meredakan tragedi serangan tersebut kira-kira 3,000 orang tentera telah dikerahkan untuk membantu memulihkan keadaan dan meyakinkan penduduk yang ketakutan (Keller & Keaten, 2015).

Serangan Perancis ini juga telah menarik simpati dan kesedihan dari sekitar dunia untuk bersama-sama menunjukkan tanda perkabungan. Antaranya adalah di New York, bangunan *Empire State* menjadi gelap tanda simpati terhadap orang-orang Paris, sementara itu monumen di serata dunia antaranya *One World Trade Center* di New York dan Sydney Opera House telah dihiasi dengan warna bendera Perancis (Euractiv, 2015) iaitu merah, biru dan putih sebagai bersama-sama menunjukkan rasa kesedihan dalam acara perkabungan tersebut. Selain itu, acara perkabungan lain yang disambut di serata dunia sempena menunjukkan tanda simpati antaranya adalah di Polland dan Berlin iaitu rakyat menyalakan lilin dan meletakkan bunga di hadapan kedutaan Perancis di negara tersebut.

## **PELAPORAN BERITA**

Profesional sebagai pelapor berita atau wartawan memang mencabar. Lebih-lebih lagi dalam era ledakan teknologi maklumat hari ini. Semua orang seolah-olah ingin menjadi orang pertama dalam menyampaikan atau melaporkan sesuatu maklumat dan adakah lupa untuk meneliti atau menyelidiki kesahihan maklumat tersebut.

Paul de Maesener (1986) melihat berita itu sebagai maklumat baru yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa yang baru berlaku dan memberikan kesan kepada pendengar dan pembaca serta menarik minat mereka. Chamil Wariya (2008) mentakrifkan berita adalah sesuatu yang faktual, baru dan menarik. Dalam berita mesti ada fakta, bukan rekaan atau dongengan seperti dalam cerpen atau novel; tanpa fakta tidak akan ada berita. Tetapi fakta sahaja tidak cukup. Fakta itu pula mesti baharu.

Apabila membicarakan mengenai pelaporan berita, berita-berita yang meninggalkan kesan emosi kepada pembaca biasanya segera mendapat perhatian pembaca. Misalnya, berita tentang kemalangan (di jalan raya, di laut, di udara), kebakaran dan bencana alam (banjir, gempa bumi), paling banyak memenuhi halaman-halaman surat khabar. Mereka ingin tahu siapakah yang terlibat (keluarga atau kenalan mereka) dalam kemalangan, kebakaran dan bencana alam tersebut (Sulaiman Masri & Razali Ayob 2002).

Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2009) menyatakan bahawa media massa bertanggungjawab sebagai pemerhati yang mengawasi sebarang peristiwa yang berlaku di sekitar kita. Hasil pemerhatian tersebut akan dilaporkan kepada khalayak dalam bentuk berita atau penyampaian maklumat. Biasanya, berita atau maklumat ini ditapis terlebih dahulu sebelum disiarkan atas beberapa rasional seperti menjaga kepentingan dan ketenteraman awam. Hanya berita dan maklumat menyumbang kepada pembangunan masyarakat akan disiarkan kepada khalayak umum.

Editor dan wartawan perlu menyedari bahawa khalayak inginkan berita yang melebihi daripada cerita yang baik sahaja, dan mereka mencari maklumat yang akan membantu mereka jika mereka sendiri yang berada dalam keadaan bencana tersebut (Garner, 1996). Terdapat beberapa kajian lepas terhadap pemberitaan bencana hasil kajian menemui persepsi wartawan terhadap berita bencana atau musibah tersebut adalah melalui tulisan mereka (Ploughman, 1995). Apabila bencana berlaku, peranan media massa difahami untuk menyampaikan amaran, menyediakan penerangan apa yang berlaku, masyarakat awam menerima maklumat dan menyumbang kepada pemulihan individu atau komuniti (Norris et al., 2008).

Chamil Wariya (2010) menyatakan, nadi kewartawan televisyen adalah program berita dan program ehwal semasa yang lain, baik berbentuk rencana, majalah atau bual bicara. Ada dipersembahkan secara langsung atau rakaman. Program-program ehwal semasa lazimnya adalah lanjutan kepada bahan-bahan berita yang disiarkan dalam program berita itu sendiri. Kupasan isu-isu berita biasanya adalah lebih mendalam, mentafsirkan situasi dalam konteks berita itu berlaku. Program berita pula selalunya melaporkan perkembangan terbaru sesuatu peristiwa atau kejadian berpaksikan untuk menjawab elemen-elemen 5W dan 1H – iaitu *who, what, why, when* dan *how* – siapa, apa, di mana, mengapa, bila dan bagaimana. Program ehwal semasa melihat apa yang tersirat di sebalik 5W 1H itu.

Menyiaran berita, maklumat dan pengetahuan di media televisyen misalnya merupakan satu usaha, tetapi untuk menarik perhatian penonton terhadap sesuatu yang disiarkan tersebut memerlukan suatu usaha dan pertimbangan khusus. Kajian komunikasi menunjukkan bahawa perhatian terhadap sesuatu berita merupakan prasyarat bagi penonton sesuatu media untuk memproses dan memberi makna bagi sesuatu maklumat yang menjadi asas kepada pengetahuan (Kamal Shukri Abdullah Sani – 2007).

## **TV ALHIJRAH**

TV AlHijrah merupakan sebuah stesen televisyen berorientasikan Islam di Malaysia yang dikendalikan oleh AlHijrah Media Corporation, sebuah syarikat jaminan kerajaan Malaysia di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan beroperasi dari Pusat Penyiaran Digital TV AlHijrah, Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur. TV AlHijrah telah bermula untuk ujian televisyen oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 1 November 2010, namun ia memulakan penyiarannya dengan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Haji Mohammad Najib Razak pada 7 Disember 2010 untuk mula beroperasi di Lembah Klang.

Stesen TV AlHijrah merupakan sebuah lagi TV percuma di Malaysia yang berfungsi sepenuhnya dalam teknologi digital dan aplikasi penyiaran definisi tinggi (HD). TV AlHijrah juga dapat diikuti di seluruh negara malalui satelit dan turut dimuatkan dalam internet bagi memudahkannya ditonton di seluruh dunia.

Dengan tema ‘Segalanya Bermula Di Sini’, stesen ini menyediakan sebuah lagi platform televisyen untuk mendidik, menghibur dan menyatakan ummah. TV AlHijrah berhasrat untuk memainkan peranan sebagai televisyen yang mengajak masyarakat melakukan perubahan yang

berterusan ke arah kebaikan. Kandungannya sesuai untuk ditonton oleh semua lapisan umur dan masyarakat di mana sasaran demografi utamanya adalah golongan muda dan kumpulan penonton di bawah umur 40 tahun. Kandungan program yang ditawarkan memenuhi keperluan penonton masa kini melalui penerbitan yang kreatif, namun mengutamakan citarasa semasa yang berlandaskan Islam.

Sehubungan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan pendekatan pelaporan berita stesen televisyen AlHijrah semasa Hari Perkabungan Negara.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian ini dijalankan secara temu bual mendalam yang telah dijalankan bersama Pengurus Besar Kanan, Penerbitan Politik, Ekonomi & Sosial, TV Al-Hijrah pada 22 September 2015. Rasional pemilihan informan adalah kerana beliau merupakan individu berautoriti di TV AlHijrah yang terbabit dalam pembuatan keputusan kandungan media yang perlu disampaikan menerusi berita dan rancangan yang berkonsepkan penyaluran maklumat terkini semasa hari perkabungan negara dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji ini. Keseluruhan audio sesi temu bual dirakam dan kemudian ditranskripkan bagi mendapatkan data yang lebih tepat dan terperinci untuk dianalisis.

Kaedah temu bual mendalam ini dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan pemahaman dengan lebih mendalam daripada informan untuk menjawab objektif kajian ini. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendapatkan jawapan daripada individu yang mempunyai kepakaran dalam sesebuah bidang yang dikaji tersebut (Milena et al., 2008).

## **HASIL KAJIAN**

Hasil kajian yang diperoleh melalui temu bual mendalam ini mendapat terdapat tujuh pendekatan penting bagi pelaporan berita yang dipraktikkan oleh TV AlHijrah dalam gerak kerja menyampaikan maklumat kepada masyarakat atau penonton semasa Hari Perkabungan Negara. Pendekatan pelaporan berita tersebut adalah meneruskan amalan lazim, panggilan kepada Sarjana Muslim, bercakap perkara yang baik mengenai mangsa, kembali kepada Islam dalam melaporkan fakta, menerbitkan kapsul peristiwa atau mangsa kejadian, beretika dalam melaporkan berita dan tidak melayan sebarang kenyataan politik.

### Pendekatan 1: Meneruskan Amalan Lazim

Sebagaimana stesen-stesen TV yang lain, TV AlHijrah turut memerdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran disamping membuat slide pilihan ayat-ayat al-Quran tertentu sesuai dengan mood ketika hari perkabungan itu. Antara surah yang kerap dipaparkan ialah surah al-Fatihah.

“Kalau perspektif TV tak ada masalah. Di mana kalau meninggal je kita buat dengan al-Fatihah lepas tu membaca surah al-Quran sebagai tanda establishment, mengingatkan negara dalam keadaan bersedih, maka bila bersedih perkara utama kita kena ingat adalah Tuhan. Dan cara mengingat yang paling baik adalah dengan membaca al-Quran. Tu TV boleh pump. Tu bukan

kata AlHijrah, daripada RTM kita dah ada tradisi tu.....” (TBM/TVK3/22 September 2015)

#### Pendekatan 2: Membuat Panggilan Telefon kepada Sarjana Muslim

TV AlHijrah juga didapati agak kerap membuat panggilan kepada Sarjana Muslim seperti Mufti Kerajaan Negeri Kelantan dan Mufti Kerajaan Negeri Pahang untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai sesuatu perkara yang dibincangkan dalam siaran mereka. Pandangan daripada Sarjana Muslim ini boleh dibahagikan kepada:

- i. memberi nasihat kepada keluarga mengenai qada' dan qadar Allah

“...kita buat kita *phone call* dengan mufti Kelantan *almost everyday* untuk *advice* kepada *family*, bahawa sebagai orang beriman, orang yang berpegang kepada qada' dan qadar apakah yang kita kena buat sebagai ahli keluarga, sebagai waris, saudara sesama agama. Malah kita juga kata apakah ucapan yang boleh kita ungkapkan sebagai umat Islam, kepada mangsa yang bukan Islam.” (TBM/TVK3/22 September 2015)

“.....sebab kita tu dianggap sebagai *mirror* apa itu televisyen, kita ni adalah mata dan telinga bagi pihak *public*, kita pergi ambil dan juga rakam, macammana *source* tu kita nak ambil sekiranya tidak menjadi gaya hidup. Tapi sebenarnya dari segi Islam kalau betul-betul tradisi ilmu dalam Islam, *knowledge* tak boleh disebarluaskan hanya pada peristiwa, dia jadi *knowledge* biasalah. Macam saya kata sembahyang jenazah kan tak kanlah nak mengajar setelah ada orang mati. Jadi dia jadi *knowledge* biasa je. Dia jadi satu pengetahuan biasa je. Cuma pada waktu kejadian peristiwa, kita peringatkanlah. Kalau saya nak cadang, haruslah diutamakan apabila kita menuju perkabungan, yang pertama hadis tadi tulah, yang kedua menekankan ada' dan qadar dalam rukun iman kita kan, yang ketiga tu mensyiaran sirah.” (TBM/TVK3/22 September 2015)

- ii. menceritakan mengenai sirah ketika menerima bencana

”Jadi saya nampak kata di peringkat televisyen perubahan boleh buat kita AlHijrah memang buat, setiap hari di Assalamualaikum tu kita *report*. Cuma kita boleh perkuatkan lagi dan buat masa sekarang ni dalam proses menyedarkan orang, dan boleh beritahu dari segi sirah tu. Pada zaman Rasulullah sampailah zaman sahabat, sampailah zaman ulamak.” (TBM/TVK3/22 September 2015)

”Memperingatkan orang tentang kematian qada' dan adar. Kita tiap-tiap hari kita akan *rotate*, dengan mufti kalau mufti Pahang *free, okay on*. Kalau sirah esok Amin yang jadi hos, Amin akan cari sirah. Dapatkan dari kisah nabi para sahabat yang mereka menerima kematian. Ustaz Shaharul akan petik ayat al-Quran dan buat ulasan. Kita dah *divide* siap. Kita tak panggil tu sebagai garis panduan. Tapi sebagai *editorial stand*.” (TBM/TVK3/22 September 2015)

### Pendekatan 3: Bercakap Perkara yang Baik mengenai Mangsa Tragedi

Adalah menjadi kelaziman untuk seseorang itu bercakap segala perkara atau perbuatan baik yang dilakukan oleh mangsa yang meninggal dunia. Justeru, wartawan siaran TV AlHijrah turut diingatkan supaya menulis hanya perkara dan perbuatan mengenai kebaikan mangsa yang boleh diteladani oleh masyarakat.

“Pertama sekali kita kena ingat ni qada’ dan qadar. Jadi apabila kita menerima satu berita tu dan semua kejadian qada’ dan qadar sambil mendengar berita dapat pahala sebab qada’ dan qadar ni satu rukun iman. Kedua kita akan *cover* mana yang Islam kita akan *report* hebatlah orangnya, dikenang kerana kebaikan. Sebagai contoh pilot tu, *education* dia pada anak dia sangat dia tekankan, ambil berat pada anak dia...” (TBM/TVK3/22 September 2015)

### Pendekatan 4: Kembali kepada Islam dalam Melaporkan Fakta

Dalam menulis dan menyampaikan sesuatu fakta, wartawan siaran dan penyampai di TV AlHijrah sentiasa diingatkan agar sentiasa kembali kepada Islam dalam melaporkan setiap fakta yang diperolehi.

“Kalau sumber dalam Islam, mestilah dipercayai, tak berbohong, berakhhlak baik, tu nak kena pecahkan pula sumber dia tu. Berbalik kepada sumber tu bagaimana. Haruskah dengan orang perantaraan? Ataupun terus kepada *source* tu? Mak dia bagi *statement*. Saya tanya anak dia, betulkah mak dia kata? Masih tidak sah, itu bukan berbalik. Itu hanya merujuk, bukanlah berbalik. Pergi betul-betul, kalau Kiah kata pergi kepada Kiah, bukan anak dia, bukan suami dia. Tu nak pecah definition tu. Yang untuk menjadikan hadis nabi tu, bila kamu mendengar sesuatu berita tu satu *code of ethiques*, yang boleh diamalkan sebagai profesional...” (TBM/TVK3/22 September 2015)

“.....kejayaan TV Hijrah memindahkan suasana laporan berita kematian yang sangat sensasi kepada yang sangat Islamik.” (TBM/TVK3/22 September 2015)

“Dalam dunia maklumat ni dia bersangkut paut dengan syurga dan neraka. Hal maklumat ni hal yang pokok dalam Islam. Bawa perkhabaran, dia boleh timbulkan fitnah, *certain case* fitnah ni digambarkan neraka jahanam tempat kamu...” (TBM/TVK3/22 September 2015)

### Pendekatan 5: Menerbitkan Kapsul Peristiwa atau Mangsa Kejadian

Bagi penerbit rancangan pula, mereka telah disarankan untuk menerbitkan kapsul terhadap sesuatu berita yang diterima bagi menjadikan sesuatu laporan itu lebih berinformatif dan menarik untuk ditonton.

“Kapsul ni sekejap sahaja. bila tahu je orang tu meninggal kita *find* dapatan dalam internet tu buat kapsul dia. Yang kedua setiap hari dalam segmen Assalamualaikum tu, selagi berita tu menjadi berita yang diperlukan oleh umum, selain daripada maklumat, hendaklah diperkuatkan dengan mengingat bahawa mati ini adalah qada' qadar, bahawa menangisi kematian ni kalau berlebihan dia telah bercanggah dengan akidah.” (TBM/TVK3/22 September 2015)

#### Pendekatan 6: Beretika dalam Melaporkan Berita

Bagi memelihara kredibiliti, semua wartawan siaran TV AlHijrah diingatkan supaya sentiasa beretika ketika mendapatkan sesuatu bahan berita. Secara tidak langsung, ia juga akan menjaga nama baik organisasi yang diwakili.

“Dia dah betul dah menyimpan kesedihan dia apabila suruh bercakap, keluarlah ratapan dia. Dia adalah *code of ethics*. Kalau kita tak cari orang meratap tak payah pergi *interview*. Memang masa pergi *interview* tu memang nak tu. Cuba beritahu kalau tak nak maklumat ratapan tu apa yang dia nak? *You can be predict*. *You* cuma nak air mata je dari keluarga tu yang *you* pergi. Dia sepatutnya tak *cover*. Kita menghormati mereka perlu diberi ruang untuk bersendirian. Bila ada dapatan besok dalam satu kes, memberi ruang kepada keluarga ketika berkabung tanpa diganggu....” (TBM/TVK3/22 September 2015)

#### Pendekatan 7: Tidak Melayan sebarang Kenyataan Politik

Setiap petugas media di TV AlHijrah diingatkan supaya hanya melaporkan fakta kejadian dan tidak melayan sebarang kenyataan bersifat politik.

“Cuma masa tu saya tak begitu, saya tahu lah kalau pergi ke hotel saya tahu kata maklumat tu boleh dapat, tanpa pergi, sebab saya masa tu tak berapa gembira, saya tahu akan banyak *political statement* dari hotel. Dah sampai level saya, saya tahu dah. Kalau diorang nak dengar diorang dengar dari stesen TV yang lain. TV Hijrah tak akan layan *this political statement*. Sebab kita tahu *limitation* orang politik tentang *knowledge* dan bagaimana dia akan *manipulate event* tu untuk dia punya politik.” (TBM/TVK3/22 September 2015)

### KESIMPULAN

Melalui hasil kajian daripada temu bual mendalam bersama Pengurus Besar Kanan, Penerbitan Politik, Ekonomi & Sosial, TV AlHijrah, dapat dirumuskan bahawa pelaporan maklumat dan berita di stesen TV AlHijrah adalah berlandaskan kepada Islam dan menampakkan kredibiliti TV AlHijrah sebagai sebuah stesen TV Islam yang unggul di Malaysia.

Berdasarkan pendekatan-pendekatan yang dipraktikkan semasa Hari Perkabungan Negara, pendekatan-pendekatan itu jelas menunjukkan bahawa tajdid pelaporan berita dari TV AlHijrah

wajar menjadi contoh terbaik dalam pelaporan berita patuh syariah dan corak pelaporan yang dipersembahkan adalah relevan untuk sepanjang zaman.

## **RUJUKAN**

- Alexander, D. (2006). Globalization of disaster: Trends, problems and dilemmas. *Journal of International Affairs-Columbia University*, 59(2), 1.
- Astro Awani (2014). School shooting: Pakistan mourns for 141 killed in deadly attack. Astro Awani. 17 Disember 2014. <http://english.astroawani.com/world-news/school-shooting-pakistan-mourns-141-killed-deadly-attack-50421> Retrieved on 23 Mac 2015.
- Astro Awani (2014). 1 maut, 3 cedera dalam serangan di Copenhagen. Astro Awani. 15 Februari 2015. <http://www.astroawani.com/berita-dunia/1-maut-3-cedera-dalam-serangan-di-copenhagen-53958?cp>. Retrieved on 23 Mac 2015.
- Astro Awani (2014). Panggung wayang turut berkabung esok. 21 Ogos 2014. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/panggung-wayang-turut-berkabung-esok-42325>. Retrieved on 10 Mei 2015.
- BBC NEWS (2014). Pakistan mourns after Taliban Peshawar school massacre. BBC NEWS. 17 Disember 2014. <http://www.bbc.co.uk/news/world-asia-30507836>. Retrieved on 23 Mac 2014.
- BBC NEWS (2015). Denmark attacks: Large crowds mourn shooting victims. BBC NEWS. 16 Februari 2015. <http://www.bbc.com/news/world-europe-31493764>. Retrieved on: 23 Mac 2015.
- Bouke, J. (2013). What is 'national mourning' for? BBCNEWS. <http://www.bbc.co.uk/news/magazine-21685781>. Retrieved on 23 Mac 2014.
- Berrens, K. (2011). Funeral Traditions in the Netherlands. <https://mysendoff.com/2011/06/netherlands-funeral-traditions/> . Retrieved on 13 Mac 2015.
- Chamil Wariya (2010). *Mempar Realiti*, Malaysian Press Institute: Kuala Lumpur.
- Chamil Wariya (2008) *Penulisan Berkesan Media Cetak, Elektronik dan Web*, Malaysian Press Institute: Kuala Lumpur.
- Euractiv (2015). World mourns shows solidarity tightens security after paris attacks. 14 November 2015. <http://www.euractiv.com/sections/global-europe/world-mourns-shows-solidarity-tightens-security-after-paris-attacks-319488> 14 Nov 2015. Retrieved on 25 November 2015.
- Furukawa, H., & Denison, R. (2014). Disaster and relief: The 3.11 Tohoku and Fukushima disasters and Japan's media industries. *International Journal of Cultural Studies*. 18(2): 225–241.
- Garner, A. C. (1996). Reconstructing reality: Interpreting the aeroplane disaster news story. *Disaster Prevention and Management: An International Journal*, 5(3), 5-15.
- Haider Yutim (2014). Astro Awani. Akhbar tempatan guna hitam putih sempena Hari Perkabungan Negara. 22 Ogos 2014. <http://www.astroawani.com/berita-mh17/akhbar-tempatan-guna-hitam-putih-sempena-hari-perkabungan-negara-42376> Retrieved 0b:10 Mei 2015

- Haider Yutim (2014). Astro Awani. Hari Perkabungan Negara: Bendera dikibar separuh tiang. 28 Ogos 2014. <http://www.astroawani.com/berita-mh17/hari-perkabungan-negara-bendera-dikibar-separuh-tiang-42126>. Retrieved on 10 Mei 2015
- Hall, J. Tomlinson, J. Brady, T. (2014). Tears for the MH17 crash victims: Dutch royals and grieving relatives watch as first bodies arrive back in Holland in dignified ceremony that shames Russia. 23 Julai 2014. *Mail Online*. <http://www.dailymail.co.uk/news/article-2702482/The-sad-final-journey-home-Bodies-MH17-victims-loaded-transport-plane-Ukraine-airport-begin-trip-Netherlands-painstaking-identification-process.html>. Retrieved on 22 November 2015.
- Hjelmgaard, K. French mourn lives lost and condemn terrorism in name of religion. *USATODAY*. 16 November 2015. <http://www.usatoday.com/story/news/world/2015/11/15/french-mourn-lives-lost-and-condemn-terrorism-name-religion/75826306/>. Retrieved on 25 November 2015.
- Kamus Dewan - Edisi Keempat (2013) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keller, G & Keaten, J. (2015). Eiffel Tower goes dark as France mourns 129 killed in worst attacks on French soil since WW II. *USNEWS*. 14 November 2015. <http://www.usnews.com/news/world/articles/2015/11/14/paris-attacked-police-hunt-accomplices-after-120-killed>. Retrieved on 25 November 2015.
- Kamal Shukri Abdullah Sani (2007) *Bahasa Melayu: Apa Sudah Jadi Bentong*: PTS Proffesional Publishing Sdn. Bhd.
- Maeseneer, P (1986) *Inilah Berita: Manual Berita Radio (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Milena, Z. R., Dainora, G., & Alin, S. (2008). Qualitative research methods: a comparison between focus-group and in-depth interview.
- NBCNEWS (2014). Ukraine plane crash day mourning dutch jet crash victims returned home. NBC NEWS. <http://www.nbcnews.com/storyline/ukraine-plane-crash/day-mourning-dutch-jet-crash-victims-returned-home-n163016>. Retrieved on 13 Mac 2015.
- Pantti, M. & Sumiala, J. (2009). Till death do us join: media, mourning rituals and the sacred centre of the society. *Media, Culture & Society*. 31(1):119-135.
- Pretot, J. (2015). Sporting world mourns for Paris in wake of attacks. *Reuters*. 14 November 2015. <http://www.reuters.com/article/2015/11/14/us-sport-france-attacks-idUSKCN0T31FE20151114>. Retrieved on 25 November 2015.
- Rieti, J. Hamilton Vigil Mourns Children Killed in Pakistan School Shooting. CBC News. <http://www.cbc.ca/news/canada/hamilton/news/hamilton-vigil-mourns-children-killed-in-pakistan-school-shooting-1.2881997>. 22 Disember 2014. Retrieved on:23 Mac 2015.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sinar Online<sup>a</sup>. Pembukaan Komanwel beri penghormatan kepada MH17. 24 Julai 2014. <http://www.sinarharian.com.my/pembukaan-komanwel-beri-penghormatan-kepada-mh17-1.302617>. Retrieved on 25 November 2015.
- Sinar Online<sup>b</sup>. Najib tiba di Netherlands bincang tragedi MH17. 31 Julai 2014. <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/najib-tiba-di-netherlands-bincang-tragedi-mh17-1.303813>. Retrieved on 25 November 2015.
- Sulaiman Masri & Razali Ayob (2002). *Komunikasi Kewartawanan: Penulisan Berita, Rencana & Ulasan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

The Guardian. World mourns for victims of Paris terror attacks - in picture. 14 November 2015.

<http://www.theguardian.com/world/gallery/2015/nov/14/world-mourns-for-victims-of-paris-terror-attacks-in-pictures>. Retrieved on 25 November 2015.

[www.islam.gov.my/al-hijrah-media-corporation-bertemu-kp-jakim](http://www.islam.gov.my/al-hijrah-media-corporation-bertemu-kp-jakim). Retrieved on 27 September 2015.

[www.tvalhijrah.com](http://www.tvalhijrah.com). Retrieved on 27 September 2015.